

D445

B B984 BAH
MAHATHIR - BEBAS

LANGKAWI, 3 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENASIHATI PENDUDUK LANGKAWI SUPAYA MENERIMA PEMBERIAN TARAF PELABUHAN BEBAS KEPADA PULAU ITU DENGAN FIKIRAN YANG TERBUKA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEMASA BERUCAP KEPADA 1,000 ORANG TERMASUK PARA PEMIMPIN UMNO DAN MASYARAKAT DI SINI SEMPENA LAWATAN SEHARI SUNTUKNYA KE LANGKAWI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU MERASA SEDIH KERANA ADA CAKAP-CAKAP DARIPADA PENDUDUK LANGKAWI YANG MENGANGGAP ORANG DI TANAH BESAR SEBAGAI +ORANG ASING+ SERTA MEREKA TIDAK DIBERI PELUANG UNTUK MEMBELI TANAH DAN TAPAK-TAPAK PERUSAHAAN DI SINI UNTUK DIMAJUKAN.

BELIAU BERKATA PERBELANJAAN YANG BERATUS-RATUS JUTA RINGGIT UNTUK PEMBANGUNAN PULAU INI IALAH HASIL CUKAI DARIPADA PENDUDUK DI TEMPAT LAIN JUGA.

OLEH ITU, WAJARLAH RAKYAT LANGKAWI MENERIMA SESIAPA SAHAJA DI TANAH BESAR DATANG MELABUR UNTUK MEMAJUKAN PULAU INI SERTA MENGAMBIL PELUANG BERIKUTAN PULAU INI DIBERI TARAF PELABUHAN BEBAS, TAMBAH BELIAU. -- LAGI
1948MST 03 03 87

D446

B B985 BAH
MAHATHIR - BEBAS 2 LANGKAWI

PERDANA MENTERI BERKATA APABILA LANGKAWI MENCAPAI KEMAKMURAN DAN KEMAJUAN MELALUI KEJAYAAN DALAM PERNIAGAAN, KERAJAAN PUSAT PULA AKAN MENDAPAT CUKAI PENDAPATAN UNTUK DISALURKAN KEMBALI BAGI PEMBANGUNAN PULAU INI.

BELIAU MENASIHATI PENDUDUK LANGKAWI MEMBUAT PERNIAGAAN SECARA KECIL-KECILAN MENGIKUT KEMAMPUAN DAN MEREKA JUGA BOLEH MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN ORANG YANG MEMPUNYAI MODAL DAN KEBOLEHAN UNTUK MEMBUKA PERNIAGAAN YANG BESAR, DENGAN MENJADIKAN TANAH MEREKA SEBAGAI SAHAM DALAM PERUSAHAAN ATAU PERNIAGAAN ITU.

PERDANA MENTERI MENAMBAH PENDUDUK LANGKAWI SECARA TIDAK LANGSUNG MENDAPAT NIKMAT DARIPADA PEMBINAAN INFRASTRUKTUR DI PULAU INI SEPERTI HARGA TANAH MEREKA MELAMBUNG TINGGI. -- BERNAMA
1949MST 03 03 87